

**GUNATENAGA MAHIR BUMIPUTERA: TREN DAN
PENYERTAAN PELATIH, KAJIAN KES DI
MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**

MAISARAH BINTI AHMAD

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

GUNATENAGA MAHIR BUMIPUTERA : TREN DAN PENYERTAAN PELATIH,
KAJIAN KES DI MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

MAISARAH BINTI AHMAD
A 76523

LATIHAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI
DENGAN KEPUJIAN

MODUL EKONOMI INDUSTRI
JABATAN ANALISIS EKONOMI DAN DASAR AWAM
FAKULTI EKONOMI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
2002/2003

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 March 2003

Hak Milik MARA


MAISARAH BINTI AHMAD
A 76523

PENGHARGAAN
Bismillahirrahmanirrahim

Bersyukur ke hadrat Ilahi serta Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan kertas ilmiah ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Mohd. Ali bin Mohd Noor selaku penyelia kertas ilmiah ini yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan panduan sehingga terhasilnya sebuah karya yang boleh dijadikan panduan bersama.

Ribuan terima kasih ini juga ditujukan kepada Encik Abd. Halim bin Mansor selaku Pengurus Jabatan Giatmara Malaysia dan Puan Nik Ruhayati binti Nuawi selaku Pegawai Pelajaran MARA, BKM, Cik Azura serta kakitangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang terlibat dalam penghasilan kertas ilmiah ini.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kedua ibubapa saya iaitu Encik Ahmad bin Kassim dan Puan Jamilah binti Alias serta kakak, abang dan adik-adik yang memberikan semangat dan dorongan yang berterusan supaya penghasilan kertas ilmiah ini dapat memberi manfaat.

Tidak dilupakan kepada rakan-rakan seperjuangan Kak Mas, Maz, Min, Lin, Zura, Nisya, Zue, Izza dan Iena serta Che Die & Azie yang telah banyak membantu dalam penghasilan kertas ilmiah ini. Kepada rakan-rakan UKM juga di ucapkan ribuan terima kasih serta pensyarah yang tidak jemu mencurahkan ilmu untuk anak didik mereka.

‘ILMU PENYULUH KEGELAPAN’

Maisarah binti Ahmad

Jabatan Analisis Ekonomi Dan Dasar Awam

Fakulti Ekonomi

Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi, Selangor

Tarikh : 1 March 2003

ABSTRAK

Kertas ilmiah ini mengkaji peranan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam menyediakan latihan untuk melatih dan melahirkan gunatenaga mahir bumiputera. Terdapat dua buah institusi yang terlibat dalam kajian ini iaitu Institut Kemahiran Mara (IKM) dan Pusat Giatmara. Kajian akan memberikan tumpuan kepada kursus-kursus yang ditawarkan dan tren pengambilan serta penamatan pelatih di kedua-dua institut tersebut. Skop kajian meliputi tempoh RMK 5, RMK 6, RMK 7 dan RMK 8 iaitu bermula tahun 1986 hingga tahun 2001. Selain itu, kajian dapat menilai sejauhmana penyertaan dan penglibatan kaum bumiputera dalam bidang kemahiran untuk memenuhi permintaan tenaga kerja mahir dan separuh mahir.

Hak Milik MARA

ABSTRACT

This research seeks to study the role of Majlis Amanah Rakyat (MARA) in preparing the course to increase the member of Bumiputera professional skill workers. Two institutions that had been directly involved namely Institut Kemahiran MARA (IKM) and Pusat Giatmara. The courses offered, the enrollment trend and the course accomplishment are the main focus in this research the scope of this study includes RMK5, RMK6, RMK7 and RMK8 since 1986 to 2001. Ironically, this research will probe the Bumiputera involvement in the technical sector to meet the demand of the skilled and semi skilled labor force.

Hak Milik MARA

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI CARTA	x
SENARAI KEPENDEKAN	xi
BAB I : PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	4
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	6
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	7
1.5 SKOP KAJIAN	7
1.6 METODOLOGI KAJIAN	8
BAB II : KAJIAN LEPAS	
2.1 PENGENALAN	10
2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS	10
2.3 KESIMPULAN	14
BAB III : PERANAN MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN DI BAWAHNYA	
3.1 PENGENALAN	15
3.2 LATAR BELAKANG MARA	16
3.2.1 Sejarah Penubuhan	16
3.2.2 Objektif Penubuhan	19

3.2.3	Strategi Pelaksanaan	20
3.2.4	Misi Korporat	21
3.3	BAHAGIAN LATIHAN DAN PENDIDIKAN	23
3.3.1	Bahagian Kemahiran MARA (BKM)	24
3.3.2	Bahagian Pendidikan Profesional (BPL)	25
3.3.3	Bahagian Pendidikan Menengah (BPM)	28
3.3.4	Bahagian Penganjuran Pelajaran (BPP)	31
3.3.5	Bahagian Pembangunan Sumber (BPS)	33
3.4	KESIMPULAN	33

**BAB IV : TREN PENGAMBILAN DAN PENAMATAN PELATIH
DI IKM DAN PUSAT GIATMARA**

4.1	Pengenalan	34
4.2	BAHAGIAN KEMAHIRAN MARA (BKM)	35
4.2.1	Latar belakang BKM	35
4.2.2	Cawangan IKM seluruh Malaysia	38
4.2.3	Kursus yang ditawarkan di IKM	38
4.2.4	Program kemahiran IKM mengikut bidang kursus tahun 2002	42
4.2.5	Penyertaan pelatih mengikut negeri di IKM tahun 1996 hingga tahun 2002	45
4.3	GIATMARA	48
4.3.1	Latar belakang GIATMARA	48
4.3.2	Tren penyertaan pelatih di Pusat GIATMARA mengikut ketukangan tempoh RMK 5 hingga RMK 8	59
4.3.3	Tren penyertaan pelatih di Pusat GIATMARA mengikut negeri tempoh RMK 5 hingga RMK 8	53
4.4	KESIMPULAN	57

BAB V : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	PENGENALAN	59
5.2	RUMUSAN	59
5.3	CADANGAN	63
5.4	KESIMPULAN	67
	RUJUKAN	68
	LAMPIRAN	70

Hak Milik MARA

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 3.1	Lokasi program Bahagian Pendidikan Menengah	30
Jadual 4.1	Institut Kemahiran Mara (IKM) seluruh Malaysia	38
Jadual 4.2	Senarai kursus IKM peringkat diploma	40
Jadual 4.3	Senarai kursus IKM peringkat sijil	41
Jadual 4.4	Program IKM mengikut bidang kursus tahun 2002	44
Jadual 4.5	Penyertaan pelatih di IKM tahun 1996 – 2002	47
Jadual 4.6	Penyertaan pelatih di Pusat Giatmara mengikut kursus (RMK 5 – RMK 8)	52
Jadua 4.7	Penyertaan pelatih di Pusat Giatmara mengikut negeri (RMK 5 – RMK 8)	56

Hak Milik MARA

SENARAI CARTA

No. Carta		Halaman
Carta 4.1	Program IKM mengikut bidang kursus tahun 2002	45
Carta 4.2	Penyertaan pelatih di IKM tahun 1996 – 2002	48
Carta 4.3	Penyertaan pelatih di Pusat Giatmara mengikut kursus (RMK 5 – RMK 8)	53
Carta 4.4	Penyertaan pelatih di Pusat Giatmara mengikut negeri (RMK 5 – RMK 8)	57

Hak Milik MARA

SENARAI KEPENDEKAN

BKM	=	Bahagian Kemahiran MARA
BPL	=	Bahagian Pendidikan Profesional
BPM	=	Bahagian Pendidikan Menengah
BPP	=	Bahagian Penganjuran Pelajaran
BPS	=	Bahagian Pembangunan Sumber
IKM	=	Institut Kemahiran MARA
MARA	=	Majlis Amanah Rakyat
MRSM	=	Maktab Rendah Sains MARA
RIDA	=	Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan
RMK 5	=	Rancangan Malaysia Kelima
RMK 6	=	Rancangan Malaysia Keenam
RMK 7	=	Rancangan Malaysia Ketujuh
RMK 8	=	Rancangan Malaysia Kelapan
UTM	=	Universiti Teknologi MARA

Hak Milik MARA

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Selaras dengan perkembangan ekonomi yang semakin pulih kesan krisis ekonomi pada tahun 1998, pelbagai usaha telah dijalankan secara bersungguh-sungguh untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan dalam menggunakan tenaga kerja serta mengukuhkan penggunaan sumber manusia. Pelaburan yang semakin menggalakkan dalam pengurusan sumber manusia dan teknologi baru merupakan pemangkin dalam meningkatkan produktiviti tenaga kerja secara menyeluruh dan ia terbukti apabila penawaran tenaga kerja mahir dan terlatih telah dapat ditingkatkan menerusi penambahan kapasiti institusi pendidikan dan latihan.

Tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) menjangkakan pertumbuhan gunatenaga untuk mencapai gunatenaga penuh berikutan peralihan ekonomi ke arah penggunaan modal yang besar dan proses pengeluaran berasaskan pengetahuan manakala permintaan lebih tertumpu kepada gunatenaga berkemahiran tinggi. Bagi tujuan tersebut

negara perlu menyediakan lebih banyak tenaga buruh terlatih, berpengetahuan dan pangalaman berkemahiran dan berpengetahuan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya saing dan ia akan tercapai sekiranya usaha untuk memperkukuhkan sistem penyampaian pendidikan latihan diteruskan dan diberi keutamaan. Ini kerana Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) menunjukkan peralihan kaedah dan proses pengeluaran kepada yang berintensif modal serta aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyebabkan berlakunya kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang tertentu.

Penduduk Malaysia dianggarkan berjumlah 26.04 juta orang pada tahun 2005 iaitu peningkatan sebanyak 2.3 peratus setahun dalam RMK8. Jumlah ini dibahagikan kepada dua iaitu warganegara dan bukan warganegara. Bagi penduduk warganegara Malaysia, kaum Bumiputera menunjukkan bilangan yang paling ramai iaitu 16.59 juta orang anggaran tahun 2005 diikuti kaum Cina, India dan lain-lain. Sejalan dengan peningkatan jumlah penduduk, bilangan gunatenaga juga terus meningkat dan dianggarkan berjumlah 3.2 peratus pertumbuhan setahun.

Dalam tempoh RMK8, pembangunan sumber manusia terus di beri keutamaan untuk menyokong pelaksanaan pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi, mudah dilatih dan berpengetahuan. Penekanan diberikan bagi meningkatkan peluang mendapat pendidikan di semua peringkat sekolah sejajar dengan pendemokrasian dasar pendidikan. Di peringkat tertiar, kapasiti institusi pendidikan tertiar awam telah ditambah namun masih belum dapat

memenuhi permintaan penduduk. Sehubungan itu, enrolmen institusi pendidikan dan latihan swasta juga bertambah berikutan liberalisasi sektor pendidikan (RMK8). Langkah untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti institusi latihan sama ada awam atau swasta adalah penting bagi menampung keperluan pasaran buruh. Tenaga kerja adalah penggerak dalam mana-mana syarikat perindustrian atau pembuatan. Ini kerana punca utama kekurangan tenaga mahir adalah disebabkan oleh kurangnya latihan dan kemahiran teknikal.

Keluaran tenaga kerja mahir dan separa mahir mengikut kursus di Malaysia tahun 1995 hingga anggaran 2005 ditunjukkan pada Jadual 1.2. Jumlah keluaran tenaga kerja mahir dan separa mahir menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 27910 orang tahun 1995 meningkat kepada 44486 orang tahun 2000 dan dianggarkan terus meningkat kepada 75168 orang tahun 2005.

Bidang kejuruteraan menunjukkan bilangan gunatenaga mahir yang tinggi iaitu 26984 orang tahun 2000 dan anggaran 49802 orang tahun 2005 yang mana ia meliputi mekanikal, elektrik dan awam. Seterusnya bidang teknologi maklumat dan komunikasi yang mengeluarkan tenaga kerja mahir seramai 8304 orang tahun 2000 dan 12011 orang anggaran tahun 2005. Kursus ketukangan bangunan pula menunjukkan jumlah yang paling sedikit keluaran tenaga kerja mahir dan separa mahir iaitu seramai 2513 orang tahun 2000 dan 3800 anggaran tahun 2005, manakala lain-lain kursus dan kursus peningkatan kemahiran masing-masing berjumlah 3792 orang dan 2893 orang tahun 2000 dan 4904 orang 4651 orang anggaran tahun 2005.

Tenaga kerja mahir dan separa mahir yang dikeluarkan adalah daripada sektor awam dan sektor swasta. Sektor awam menunjukkan keluaran yang lebih tinggi berbanding sektor swasta iaitu 25761 orang berbanding 18725 orang tahun 2000 dan 42057 orang berbanding 33111 orang anggaran tahun 2005. Ini menunjukkan bahawa pelbagai program telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengeluarkan tenaga kerja mahir.

1.2 PERMASALAH KAJIAN

Penglibatan gunatenaga mahir dan separuh mahir kaum bumiputera merupakan satu keperluan penting yang perlu ditingkatkan selaras dengan perkembangan ekonomi pada masa kini. Hal ini amat penting memandangkan bilangan tenaga kerja mahir yang ada tidak mencukupi untuk memenuhi permintaannya terutamanya dalam sektor pembuatan menyebabkan kos perunit buruh meningkat.

Dalam RMK8, program pendidikan dan latihan akan ditumpukan kepada meningkatkan kualiti dan peluang serta mengurangkan jurang prestasi antara kawasan bandar dan luar bandar. Seperti yang kita sedia maklum kebanyakan kawasan luar bandar di diami oleh penduduk bumiputera yang secara tidak langsung mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah. Oleh itu pendidikan dan latihan yang dijalankan bertujuan untuk melahirkan gunatenaga yang berpengetahuan luas, mempunyai

kemahiran berfikir dan berinovasi seterusnya menyumbang kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Sehubungan itu, sistem pencapaian pendidikan dan latihan perlu diperkukuhkan untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir selaras dengan kemajuan teknologi.

Di Malaysia terdapat banyak institusi dan pusat-pusat latihan yang telah ditubuhkan sama ada oleh kerajaan atau swasta bertujuan untuk meningkatkan prestasi pembangunan sumber manusia terutamanya kemahiran dalam bidang tertentu. Institusi atau pusat latihan yang disediakan oleh kerajaan termasuklah Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu institusi yang akan dikaji dalam penyediaan kertas ilmiah ini. Peluang ini perlu digunakan sebaik mungkin oleh orang ramai atau organisasi bagi memastikan ianya berjaya dan sekaligus menyahut seruan kerajaan untuk mencapai gunatenaga mahir.

Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab institusi latihan untuk melatih tenaga kerja sebaik mungkin bagi memastikan gunatenaga mahir adalah mencukupi selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara dan pencapaian wawasan 2020. Di samping itu ia juga memastikan supaya kaum bumiputera tidak terus mundur dan ketinggalan berbanding kaum lain memandangkan Malaysia adalah sebuah negara majmuk yang mempunyai berbilang kaum. Bagi meninjau dan mengenalpasti masalah dan objektif tersebut, kajian ini akan memfokus kepada institusi latihan awam iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam mengeluarkan gunatenaga mahir dan separa mahir.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian mengenai keperluan gunatenaga mahir bagi bumiputera melalui program-program latihan yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mereka disebabkan oleh beberapa tujuan dan objektif tertentu.

Secara umumnya ia bertujuan untuk mengetahui sejarah penubuhan serta objektif dan peranan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di samping program-program yang disediakan dalam membantu negara untuk melahirkan gunatenaga mahir di kalangan kaum bumiputera. Hal ini kerana melalui kemahiran yang ada maka dapat meningkatkan taraf hidup dan sekaligus mampu untuk memperbaiki struktur ekonomi negara.

Selain itu terdapat beberapa objektif khusus yang ingin dicapai daripada penghasilan kajian ini. Antaranya ialah :

1. Mengetahui apakah objektif setiap institusi kemahiran yang berkaitan dengan kajian iaitu Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Giatmara secara khusus dan terperinci.
2. Mendapatkan maklumat tentang jenis-jenis kursus yang disediakan dan ditawarkan oleh IKM dan Giatmara.
3. Menilai tren pengambilan dan penamatan pelatih dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RMK5) hingga Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8).

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ke atas institusi latihan iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA) memberikan beberapa kepentingan sama ada secara langsung atau tidak kepada organisasi tersebut dan juga organisasi lain.

Melalui kajian ini kita dapat mengenalpasti jumlah gunatenaga mahir yang telah dilahirkan oleh MARA. Adakah kemahiran gunatenaga yang semakin meningkat mampu untuk meningkatkan taraf hidup individu tersebut dan isirumah sekaligus mampu untuk memperbaiki struktur ekonomi negara.

Kemahiran gunatenaga yang sedia ada perlu ditingkatkan dan digunakan sebaik mungkin supaya ianya dapat memberikan hasil yang baik sama ada kepada individu, masyarakat dan negara. Jumlah gunatenaga yang lebih spesifik juga dapat membantu untuk membantu membuat perancangan bagi sesuatu program. Ia secara tidak langsung dapat menjimatkan kos dan meringankan beban kerana peruntukan belanjawan yang semakin berkurangan.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah di sebuah institusi latihan milik kerajaan di mana objektif penubuhannya adalah untuk membantu kaum bumiputera untuk meningkatkan taraf hidup

mereka. Pelbagai pendekatan yang di buat termasuklah penyediaan program latihan untuk membantu kaum bumiputera meningkatkan kemahiran mereka. Ia adalah penting untuk memastikan mereka tidak ketinggalan ditelan arus kemodenan dalam keadaan negara yang semakin mencabar sama ada dalam bidang ekonomi, sosial atau politik.

Ia juga akan meneliti sejarah penubuhan, objektif, peranan dan fungsi yang dijalankan oleh MARA dan memastikan bahawa setiap objektif yang dikemukakan dapat dicapai. Pencapaian objektif diharapkan dapat membantu negara melahirkan gunatenaga mahir kaum bumiputera supaya tidak terus tenggelam di bumi sendiri.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

1. Kajian perpustakaan

Dalam menghasilkan kajian ini pendekatan utama yang digunakan ialah melalui pengumpulan data sekunder. Ia diperolehi melalui kajian perpustakaan yang dibuat di Perpustakaan Tun Seri Lanang (TSL). Ia amat penting untuk memperolehi pelbagai maklumat yang telah disediakan terutamanya melalui buku laporan tahunan, penyelidikan individu dan pelbagai cara lain untuk mempersembahkan data. Data yang diperolehi dapat membantu untuk memudahkan proses penelitian dan penilaian program yang telah, sedang atau akan dijalankan oleh sesebuah pertubuhan. Data sekunder yang diperolehi adalah lebih mudah dan dapat membantu menyelesaikan

tugasan dengan lebih sempurna kerana ianya lebih tepat berbanding data primer yang terpaksa membuat kajian lebih terperinci untuk mendapat jumlah sebenar.

2. Temubual

Selain itu temubual (tanpa borang soal selidik) juga dibuat yang ditujukan kepada pegawai bahagian latihan MARA dan kakitangan yang terlibat secara langsung atau tidak. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat tambahan dan penerangan yang lebih mendalam tentang sesuatu perkara terutamanya yang tidak terkandung dalam data sekunder dari kajian perpustakaan.

3. Sumber data

Data sekunder yang diperolehi dari kajian perpustakaan adalah dalam bentuk dan merujuk kepada :

- i. Laporan kerajaan seperti Rancangan Malaysia, Laporan Ekonomi, Anggaran Belanjawan dan Laporan Tenaga Buruh yang dirangka dan dikeluarkan oleh kerajaan.
- ii. Penyelidikan yang berkait langsung atau tidak yang diterbitkan dalam bentuk jurnal, buku, majalah, artikel dan akhbar. Antara majalah yang digunakan ialah Dewan Ekonomi.
- iii. Hasil penyelidikan yang disediakan oleh orang perseorangan seperti kertas ilmiah dan tesis.

BAB DUA

KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Keperluan gunatenaga mahir dan separa mahir di Malaysia bukanlah satu fenomena baru tetapi ianya telah wujud semenjak selepas merdeka lagi. Walaupun di era 1990-an berlaku peningkatan dalam penyertaan gunatenaga mahir namun ianya masih belum mencukupi untuk menampung keperluan permintaan gunatenaga yang semakin meningkat. Hal ini kerana dalam menuju ke arah negara maju, Malaysia memerlukan bilangan gunatenaga yang berkemahiran dan berkebolehan dalam bidang-bidang profesional untuk tujuan pembangunan. Seajar dengan tujuan tersebut kaum bumiputera perlu lebih menonjol dalam pelbagai bidang profesional supaya mereka tidak ketinggalan.

2.2 KAJIAN LEPAS

Myint (1958) membuat kajian untuk mengenalpasti berkaitan pembangunan sumber manusia melalui pendidikan formal, pengumpulan pengalaman dan latihan kemahiran

teknikal yang memainkan peranan penting. Ia juga dapat menunjukkan perbezaan kadar pertumbuhan ekonomi serta daya pengeluaran negara.

Rostow (1960) mengkaji tentang sistem pendidikan di mana ia merupakan satu daripada prasyarat untuk mencapai proses pembangunan. Ia dapat mempercepatkan perubahan dari segi politik, struktur, serta nilai budaya bagi membolehkan berlakunya pembangunan untuk sesebuah negara amnya dan sesuatu kaum khususnya.

R. Thillainathan (1990), kajian mengenai analisis hubungan gunatenaga secara keseluruhan dengan kadar penyertaan gunatenaga kaum bumiputera dalam mencapai matlamat penyusunan gunatenaga mengikut kaum di negara ini. Pengkaji menekankan matlamat penyusunan gunatenaga akan tercapai melalui penyertaan yang aktif kaum bumiputera dalam pekerjaan baru yang diwujudkan dalam pasaran pekerjaan. Menurutnya, walaupun penambahan gunatenaga baru dalam pasaran pekerjaan diagihkan kepada bumiputera tetapi sekiranya kadar pertumbuhan gunatenaga amat rendah iaitu di bawah paras minimum maka matlamat penyusunan gunatenaga berasaskan komposisi kaum di negara ini tidak akan tercapai. Begitu juga sebaliknya, walaupun kadar pertumbuhan gunatenaga tinggi, tetapi kadar penyertaan bumiputera adalah rendah iaitu di bawah paras minimum, maka matlamat tidak akan tercapai.

Othman Yeop Abdullah, kajian ini juga menekankan tentang pembangunan sumber manusia di mana ia adalah penting dalam menentukan sama ada maju atau mundurnya sesebuah negara terutamanya dalam sektor industri. Menurut beliau,

pendidikan dan latihan vokasional memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi. Ia dapat melahirkan pekerja mahir dan separa mahir bagi memenuhi permintaan dalam pasaran buruh terutamanya dalam membangunkan sektor industri. Program latihan dan pendidikan yang disediakan bukan sahaja dari segi pengetahuan umum tetapi juga untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran-kemahiran tertentu.

Zainal Aznam (1990) mengkaji pelbagai usaha yang dijalankan untuk meningkatkan penyertaan tenaga buruh bumiputera yang berkemahiran tinggi untuk diserapkan ke dalam pasaran pekerjaan melalui proses pembangunan tenaga manusia yang bertujuan untuk mengurangkan jurang agihan pekerjaan antara kaum terutamanya di peringkat berpendapatan tinggi. Pengurangan jurang pembahagian pekerjaan ini secara tidak langsung akan mengurangkan jurang agihan pendapatan di kalangan kaum di Malaysia. Ini berdasarkan kepada sumbangan upah dan gaji adalah merupakan bahagian pendapatan isirumah yang terbesar iaitu 60 hingga 70 peratus daripada jumlah pendapatan isirumah di Malaysia. Manakala punca pendapatan daripada modal saham merupakan bahagian yang kecil daripada pendapatan purata isirumah.

Rahmah Ismail (1995 & 1996) menghasilkan kajian pada tahun 1995 mendapati bahawa walaupun terdapat banyak institusi yang terlibat dalam pembangunan gunatenaga namun bilangan yang menyalurkan bantuan teknikal adalah kecil. Peratusan yang rendah di kalangan usahawan yang menerima pelbagai bentuk daripada institusi membuktikan sebahagian daripada program institusi tidak sampai kepada golongan sasaran. Walaupun mereka yang mendapat latihan teknikal dan perkhidmatan merasakan program yang

diberikan adalah berfaedah. Kajian pada tahun 1996 pula memfokus kepada modal manusia dan perolehan buruh. Sumber manusia merupakan input yang sangat penting dari segi pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Menurut beliau, sumber ini adalah sebagai pemangkin kepada input-input yang lain di dalam proses pengeluaran. Tanpa kehadiran sumber manusia maka input-input yang lain tidak dapat digembleng dengan sempurna. Bukan setakat itu sahaja, penghasilan sumber manusia ini pula mestilah yang mahir dan serba boleh dalam semua bidang.

Moha Asri Hj Abdullah (1999) menyatakan antara latihan yang diperlukan termasuklah latihan pengurusan dan kawalan serta latihan teknikal. Majoriti menganggap program latihan yang disediakan oleh agensi kerajaan dan swasta sangat berguna dan boleh memenuhi keperluan gunatenaga bagi sesebuah firma.

Pazim @ Fadzim Othman & Mohd Rosli Mohamad mendapati bahawa negara Malaysia mengalami masalah kekurangan buruh mahir lebih tinggi daripada negara lain. Kedua-dua pengkaji menyatakan masalah kekurangan buruh mahir adalah berkaitan dengan tingkat pendidikan dan latihan yang rendah. Oleh itu buruh profesional boleh ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan. Ini menunjukkan terdapat hubungan positif antara pekerja mahir dengan produktiviti sesebuah industri.

2.3 KESIMPULAN

Hasil daripada pencarian kajian-kajian lepas mendapati hanya segelintir pengkaji yang mengkaji tentang gunatenaga mahir kaum bumiputera dalam pembangunan negara. Oleh itu adalah menjadi matlamat kajian ini untuk melihat bilangan gunatenaga bumiputera yang terlatih terutamanya yang dikeluarkan oleh institut-institut latihan yang disediakan.

Hak Milik MARA

BAB 3

PERANAN MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN YANG TERDAPAT DI BAWAHNYA

3.1 PENGENALAN

Majlis Amanah Rakyat atau lebih dikenali sebagai MARA merupakan satu nama yang tidak perlu diperkenalkan di Malaysia. Ia adalah salah sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Dengan ini secara tidak langsung MARA berperanan untuk membangun dan melahirkan bilangan usahawan yang berkualiti dalam kuantiti yang bertambah. Seajar dengan itu, Ahli Majlis MARA dianggotai oleh pengerusi serta ahli-ahli yang dilantik oleh Menteri Pembangunan Usahawan.

Adalah menjadi kewajiban majlis untuk memaju, menggalak, memudah serta menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan dalam persekutuan dan khususnya bagi kawasan luar bandar.

Sehingga ke hari ini Mara mempunyai Ibu Pejabat di ibukota iaitu Kuala Lumpur yang disokong oleh 14 buah pejabat MARA negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, dan pejabat-pejabat MARA daerah. Selain itu, MARA juga beroperasi di London dan Washington D.C serta mempunyai organisasi sekutu di Asia Timur, Eropah, Afrika dan Amerika Utara.

Oleh yang demikian, dalam bab ini kajian akan memfokus kepada latar belakang Majlis Amanah Rakyat (MARA) secara terperinci iaitu dari sejarah penubuhan sehingga bahagian yang terdapat dibawahnya di samping fungsi dan peranan setiap bahagian.

3.2 LATAR BELAKANG

3.2.1 Sejarah penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Sejarah awal MARA bermula sebelum negara mencapai kemerdekaan apabila Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu (MMUPTM) pada Julai 1950 telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Badan atau Lembaga Khas yang dinamakan Lembaga Kemajuan Kampung & Perusahaan (LPKP) atau lebih dikenali sebagai RIDA (Rural & Industrial Development Authority). RIDA ditubuhkan pada 25 April 1951 dan dikanunkan dengan kelulusan Ordinan No. 48 Tahun 1953. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Dipertua Agung UMNO pada masa itu iaitu Dato' Onn Ja'far telah dilantik sebagai Pengerusi atau Ketua Besar RIDA yang pertama.

Objektif umum RIDA adalah untuk memberi keselesaan dan meninggikan taraf sosio ekonomi orang-orang kampung yang majoritinya terdiri daripada petani, pekebun, penternak dan nelayan yang miskin dengan peningkatan awalnya menyediakan kemudahan infrastruktur pembangunan luar bandar.

Peranan RIDA sebagai agen perubahan telah meninggalkan kesan yang positif melalui prinsip “Mahu Menolong Diri Sendiri” yang sentiasa dilaungkan oleh Allahyarham Dato’ Onn Ja’far. RIDA juga menyediakan kemudahan kewangan skala untuk memberi peluang kepada orang-orang kampung menceburi bidang perniagaan dan perusahaan yang berasaskan hasil pertanian, ternakan, makanan laut, bahan-bahan tempatan seperti sabut, belulang/kulit, getah dan barang-barang kraftangan. Ia juga memberi tumpuan dalam bidang latihan dan pendidikan secara formal dan tidak formal.

Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama telah berlangsung pada 5-7 Jun 1965 yang telah memberi peluang kepada perbincangan dan penyuaran pendapat tentang masalah sosio-ekonomi orang-orang Melayu. Mesyuarat Pieno pada 7 Jun 1965 telah menerima usul yang menyatakan “Kongres menyokong cadangan Kerajaan Pusat hendak memperbaiki dan memperkukuhkan RIDA dengan cara menambahkan modal dan memperkemaskan lagi pentadbirannya. Kongres mencadangkan bahawa nama RIDA diganti dengan nama baru iaitu Majlis Amanah Rakyat atau MARA.

Pada Disember 1965, Parlimen Malaysia telah meluluskan Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat dan ianya dikuatkuasakan mulai 1 Mac 1966. Akta MARA No. 20

memberi mandat kepada MARA sebagai “satu pertubuhan yang diperbadankan bernama Majlis Amanah Rakyat yang kekal turun-temurun dan mempunyai satu perjanjian dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan tertakluk kepada akta ini bagi maksud-maksudnya, boleh membuat kontrak-kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menggunakan harta yang boleh dialih dan harta yang tidak boleh dialih dari segala jenis dan boleh memindahkan, menyerahkan, melepaskan, menanggungkan, menggadaikan, memberi, memindahkan semula atau dengan jalan lain melepaskan, atau membuat apa-apa berkenaan dengan apa-apa harta yang boleh dialih atau tidak boleh dialih atau yang berkenaan dengan apa-apa hak atas harta yang menjadi kepunyaan Majlis mengikut syarat-syarat yang difikirkannya patut”.

Oleh itu bermulalah MARA dan RIDA dikerandakan dalam sejarah, MARA adalah untuk membantu meningkatkan tahap ekonomi orang-orang Melayu. Kelahirannya seiring dengan pelancaran Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970). Dengan objektif yang begitu jelas untuk menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera, MARA telah menyusun strategi pelaksanaan melalui Program/Aktiviti Pembangunan Usahawan, Latihan dan Pendidikan, Perindustrian dan Perkhidmatan secara bersepadu ke arah pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

RIDA-MARA terkenal sebagai perintis dalam pelbagai projek baru dan ada antaranya telah menjadi projek mega kebanggaan Bumiputera dan penyumbang kepada pembangunan negara seperti UiTM (1957), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

(1964), Amanah Saham MARA Berhad (1967), Institut Kemahiran MARA (IKM-1968), Yayasan Pelajaran MARA (YPM-1969), Maktab Rendah Sains MARA (MRSM-1972), Kolej Profesional MARA/Institut Perdagangan MARA (KPM/IPM-1977), Kolej MARA (1985), Pusat GIATMARA (1986), Institut Kemahiran Tinggi MARA (IKTM), seperti German Malaysian Institute (GMI-1992), British Malaysian Institute/Tuas Polytech (BMI-1993), dan Malaysian France Institute (MFI-1995).

Secara umumnya program latihan dan pendidikan yang disediakan oleh MARA adalah bertujuan untuk memberikan kemahiran kepada kaum bumiputera dalam pelbagai bidang dan sekaligus melahirkan gunatenaga mahir yang lebih produktif dan berdaya saing dengan kaum-kaum lain di negara ini. Ia adalah selaras dengan objektif penubuhan MARA yang ingin meningkatkan taraf sosio ekonomi kaum bumiputera. Sehingga hari ini banyak pusat-pusat pentadbiran MARA telah ditambah bertujuan untuk melancarkan pentadbiran dan perjalanan sesuatu program yang ingin dijalankan. Gunatenaga yang dilahirkan oleh MARA juga semakin bertambah dengan peningkatan program yang disediakan disamping kemudahan yang lebih moden .

3.2.2 Objektif penubuhan

Objektif utama penubuhan MARA adalah untuk mengatasi kelemahan keadaan sosio ekonomi Bumiputera khususnya orang melayu dalam bidang perniagaan dan perindustrian.

Objektif secara umum pula bertujuan untuk menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera khususnya di kawasan luar bandar supaya menyertai dengan aktif dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan ke arah membentuk masyarakat usahawan Bumiputera yang berdaya tahan, profesional dan kukuh.

3.2.3 Strategi pelaksanaan

Mewujud serta menambah bilangan usahawan di kalangan Bumiputera dan meningkatkan taraf mereka dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan ke arah pembentukan masyarakat peniaga yang berjaya dan kukuh .

Mengambil bahagian yang aktif dalam bidang perdagangan dan perindustrian tertentu melalui pelaburan dan pengurusan dalam syarikat-syarikat sebagai langkah memberi perlindungan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam dunia perniagaan.

Menambah bilangan gunatenaga bumiputera yang terlatih dalam berbagai bidang di semua peringkat, khususnya untuk keperluan sektor perdagangan dan perindustrian.

Menggalakkan lain-lain kemudahan dan perkhidmatan yang sesuai serta menjadi pemegang amanah yang boleh membantu secara khusus atau umum bagi meningkatkan taraf ekonomi dan sosial bumiputera.

3.2.4 Misi korporat

- Mandat

Dengan kuasa yang diberi, kekal turun temurun, MARA akan melaksanakan tanggungjawab bagi memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan di seluruh Malaysia dalam bidang-bidang berikut:-

- a. Perdagangan dan Perindustrian
- b. Kemudahan Pembiayaan
- c. Usahasama atau sebagai Agen Pengurus
- d. Pelaburan Ekuiti
- e. Penubuhan dan Pertanggungjawaban Institusi Latihan
- f. Apa-apa jua yang difikirkan perlu atau berfaedah oleh Majlis
- g. Aktiviti tambahan yang mendapat kelulusan kerajaan, bertujuan untuk memajukan kaum bumiputera.

- Wawasan

Menjadi sebuah organisasi korporat cemerlang, berdikari, berautonomi dan berwibawa.

- a. Pemegang amanah ekuiti
- b. Penggerak dan pemangkin yang aktif
- c. Pusat jaringan dan rangkaian perusahaan & perdagangan
- d. Pusat maklumat, latihan, penyelidikan dan pembangunan
- e. Sebagai organisasi pemikir

- Pernyataan amanat

Menjadi badan amanah yang unggul dan diberkati untuk mengangkat martabat dan maruah bangsa menerusi pelbagai aktiviti ekonomi, pendidikan dan kemasyarakatan.

- Nilai bersama

- ❖ Anggota organisasi

“Kami adalah golongan profesional yang amanah, jati diri, berdaya tahan, ukhuwah, penyayang dan mesra serta beriltizam kepada organisasi dan pelanggan”.

- ❖ Proses/sistem

“Mengamalkan kepimpinan berjemaah, telus dan dinamik”

- ❖ Organisasi

“Organisasi perintis, berwawasan, berdaya saing, cermat dan berkhemah serta adil”.

- ❖ Prestasi

“Memastikan pembangunan yang berterusan dan cemerlang.

- Piagam pelanggan MARA

“Sesungguhnya kami warga MARA akan sentiasa komited kepada pengeluaran berkualiti dan perkhidmatan yang berkesan. Kami juga berjanji untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan menerusi program dan aktiviti berikut:

- ❖ Berusaha untuk menambah bilangan gunatenaga bumiputera yang terlatih dalam bidang profesional dan teknikal ke tahap 30% daripada keperluan negara.

- ❖ Semua permohonan pinjaman perniagaan dan pelajaran yang lengkap akan diputuskan dalam masa tidak lebih daripada 50 hari.
- ❖ Memastikan semua pelajar tajaan MARA di seberang laut akan menerima elaun bulanan sebelum tiba bulan berikutnya.
- ❖ Setiap panggilan ke Ibu Pejabat MARA akan dilayan tidak lewat daripada 30 saat sama ada oleh Telefonis atau melalui mesin sistem kendalian panggilan.

3.3 BAHAGIAN LATIHAN DAN PENDIDIKAN

Latihan dan pendidikan merupakan salah satu komponen yang terdapat dalam organisasi MARA. Bahagian ini diketuai oleh timbalan pengarah yang berperanan untuk mengawal dan menyelia bahagian yang bernaung di bawahnya supaya perjalanan setiap perancangan dapat berjalan dengan lancar di samping pencapaian matlamat yang berkesan. Seperti yang diketahui umum, bahagian ini merupakan tunggak utama dalam menyedia dan melahirkan sumber manusia untuk kegunaan pasaran buruh sama ada pada masa kini atau masa hadapan. Sumber manusia ini termasuklah golongan mahir, separuh mahir ataupun golongan profesional. Matlamat terhadap peningkatan kualiti bumiputera secara tidak langsung membolehkan kaum bumiputera bersaing dengan kaum-kaum lain yang nyata lebih menguasai bidang profesional. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab MARA untuk memastikan kaum bumiputera tidak ketinggalan sebaliknya terus maju seiring dengan kepesatan ekonomi dan mengisi peluang-peluang pekerjaan yang semakin banyak serta mengalami era perkembangan.

Bahagian latihan dan pendidikan dipecahkan lagi kepada beberapa bahagian yang bertujuan untuk melancar dan melicinkan lagi perjalanan dan pencapaian objektif untuk mewujudkan golongan bumiputera yang berdaya saing dan berkemahiran. Bahagian-bahagian tersebut ialah:

- 3.3.1 Bahagian Kemahiran MARA (BKM)
- 3.3.2 Bahagian Pendidikan Profesional (BPL)
- 3.3.3 Bahagian Pendidikan Menengah (BPM)
- 3.3.4 Bahagian Penganjuran Pelajaran (BPP)
- 3.3.5 Bahagian Pembangunan Sumber (BPS)

Bagi menjelaskan fungsi dan peranan setiap bahagian, kajian akan meneliti setiap satu daripadanya.

3.3.1 Bahagian kemahiran MARA (BKM)

Bahagian ini merupakan bahagian terpenting dalam kajian ini kerana ia adalah bahagian yang terlibat dalam melahirkan gunatenaga mahir dan separuh mahir bumiputera terutamanya melalui Institut Kemahiran MARA (IKM). Maklumat lanjut dan terperinci bahagian ini akan dibincangkan dalam bab 4 yang mengkaji dan menjawab persoalan dan objektif kajian.

3.3.2 Bahagian pendidikan profesional (BPL)

Penubuhan bahagian pendidikan profesional MARA serta institusi di bawahnya adalah bermatlamat untuk menambah bilangan serta meningkatkan kemahiran gunatenaga bumiputera dalam bidang perdagangan, perakaunan serta teknologi maklumat seiring dengan perkembangan dan kemajuan negara dalam menghadapi alaf baru. Di samping itu, ia memainkan peranan untuk menjayakan matlamatnya seiring dengan matlamat MARA iaitu:

“untuk melaksanakan tanggungjawab ke arah peningkatan pendidikan profesional dan separa profesional dalam bidang perakaunan, perdagangan dan pengurusan perniagaan serta kejuruteraan teknologi melalui institusi-institusi pengajian di bawahnya.”

Terdapat beberapa buah institusi yang berada di bawah kawalan BPL iaitu:

- German Malaysian Institute (GMI)

GMI adalah sebuah institusi tempatan yang bekerjasama dengan kerajaan luar iaitu kerjasama Kerajaan Malaysia dan Kerajaan German. GMI bertempat di Cheras dan menawarkan kursus pada peringkat diploma dan diploma lanjutan dengan pengkhususan dalam bidang Production Technology, Industrial Elektronik Technology, Manufacturing Technology dan Automation/Mechatronic Technology.

- British Malaysian Institute (BMI)

BMI menawarkan kursus pada peringkat Diploma Lanjutan Kebangsaan (Higher National Diploma) dengan pengkhususan dalam bidang Electrical Engineering & Electronic Engineering yang dijalankan secara francais dengan Wigan & Leigh College, United Kingdom serta Medical Electronic Engineering secara francais dengan University of Hertfordshire. Selain itu BMI juga menjalankan kursus pra HND Computer System Engineering dan Information Technology.

- Malaysian French Institute (MFI)

MFI merupakan satu projek usahasama kerajaan Perancis dengan Malaysia yang menawarkan diploma profesional dalam teknologi industri. Kursus yang ditawarkan ialah pada peringkat diploma dan pengkhususan dalam bidang Air-conditioning & Refrigeration Technology, Automated System Maintenance Technology, Electrical Equipment Installation Technology, Machine Building Maintenance Technology, Welding Technology dan Metal Fabrication Technology.

- Kolej Profesional MARA Beranang (KPM B)

KPM Beranang asalnya dikenali sebagai Institusi Kemahiran MARA (IKM Perdagangan) ditubuhkan Mei 1977. pada 1 Jun 1998, KPM Kuala Lumpur telah berpindah ke kampus tetapnya di Lot 2333, Mukim Beranang, Jalan Kajang/Seremban, 43700, Beranang Selangor dan dikenali sebagai KPM Beranang. Kursus-kursus yang ditawarkan ialah Higher National Diploma In Computing

(business information teknologi) – HDN BIT, Diploma In Accounting (DIA) dan Diploma In Business Studies (DBS)

- Kolej Profesional MARA Melaka (KPM M)

Penubuhan KPM Melaka adalah di atas sebab permintaan yang bertambah terhadap program-program pendidikan perdagangan yang tidak mampu ditampung oleh KPM Kuala Lumpur. Kolej ini seterusnya berpindah ke Melaka, pada 10 Jun 1994 di Jalan Hang Tuah. Kini pada tahun 1999 KPM Melaka telah mempunyai prasarana yang sesuai dengan kehendak pembelajaran bagi menjamin keselesaan para pelajar. Kursus yang ditawarkan ialah Diploma In Accounting (DIA) dan Diploma In Business (DBS).

Pentadbiran dan pengurusan KPM B dan KPM M adalah di bawah kawalan BPL sepenuhnya, sementara Institut Kemahiran Tinggi MARA (GMI, BMI, dan MFI) dan AIM, institut berkenaan mengendalikan pentadbiran dan pengurusannya sendiri kerana institut tersebut merupakan anak syarikat MARA.

Kesimpulannya bahagian pendidikan profesional adalah untuk melahirkan gunatenaga dalam bidang profesional dan separa profesional.

3.3.3 Bahagian Pendidikan Menengah (BPM)

Matlamat:

Program Pendidikan Menengah yang dilaksanakan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) adalah bermatlamat ke arah membangunkan dan memajukan masyarakat bumiputera dalam bidang sains dan teknologi. Pelajar-pelajar didedahkan dengan sistem pendidikan yang bermutu tinggi, kurikulum yang baik serta para pendidik yang berpengalaman dan dedikasi.

Objektif:

- Menambah bilangan pelajar bumiputera dalam bidang sains dan teknologi yang bermoral dan beretika.
- Mewujudkan MRSM yang lengkap dengan kemudahan pembelajaran yang sempurna.
- Menyediakan kurikulum pendidikan yang dinamik berteraskan sains selaras dengan falsafah pendidikan negara.
- Membantu mendapatkan tenaga pengurusan, pengajar dan kakitangan sokongan yang berkecualan serta membantu meningkatkan kemahiran mereka.
- Memilih pelajar-pelajar bumiputera berpotensi dan mempunyai kecenderungan dalam sains dan matematik.
- Mengumpul maklumat melalui kajian, penyeliaan dan kawalan untuk mengembangkan dan meningkatkan mutu pendidikan MRSM.
- Menentukan dasar-dasar pendidikan MRSM
- Memastikan dasar-dasar pendidikan MRSM dilaksanakan.

Di bawah bahagian pendidikan menengah terdapat dua unit yang diselenggarakan iaitu unit agama islam dan unit sejarah.

- Unit Agama Islam

Unit Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Bahagian Pendidikan MARA merupakan satu unit yang menguruskan pentadbiran dan pembangunan subjek Pendidikan Islam, Tasawwur Islam, Syariah Islamiah, Quran Sunnah dan Bahasa Arab di seluruh kolej MARA dan MRSM seluruh Malaysia. Di samping itu, unit ini turut dipertanggungjawabkan untuk memastikan aktiviti peningkatan Amal Islami dan Dakwah Islamiah berjalan institut tersebut.

- Unit Sejarah

Internet telah merevolusikan sistem pendidikan. Sejarahwan merupakan antara pengguna internet yang paling aktif pada masa kini. Guru lebih berperanan sebagai fasilitator, berbanding dengan buku teks, maklumat internet lebih luas dan terkini kerana sentiasa dikemaskini. Walau bagaimanapun penggunaan buku teks tidak boleh ditinggalkan terus dan sumber dari internet haruslah dinilai terlebih dahulu. Webmaster laman sejarah terdiri dari profesor, pelajar, penerbit, pustakawan dan individu yang meminati sejarah. Mereka berjaya mempersembahkan fakta sejarah dengan menarik, mudah dan dinamik dengan menggunakan tiga aspek penting dalam proses penyelidikan sejarah terdiri dari sumber primier, sumber sekunder dan sumber visual.

Bahagian Pendidikan Menengah merupakan bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan satu sistem pendidikan yang unggul berteraskan sains dan teknologi bagi pelajar bumiputera yang berpotensi untuk menghasilkan sumber manusia berkualiti yang dapat menyumbangkan bakti kepada pembangunan negara. Selaras dengan matlamat dan keperluan negara, Maktab Rendah Sains MARA ditubuhkan. Lahirnya MRSM bertujuan untuk memberi kemudahan pelajaran diperingkat menengah dan pra universiti dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar-pelajar bumiputera.

Kesimpulannya bahagian pendidikan menengah tidak melahirkan gunatenaga mahir sebaliknya pelajar lepasan MRSM terdiri daripada golongan pelajar yang masih mencari arah tujuan untuk melanjutkan pelajaran.

Jadual 3.1 : Lokasi Program Bahagian Pendidikan Menengah MARA

PROGRAM PENDIDIKAN	LOKASI
Menengah Rendah (tingkatan 1 – 3)	Kuala Klawang, Pasir Tumbuh, Gerik, MRSM-YT Dungun
Menengah Atas (tingkatan 4 – 5)	Pengkalan Chepa, Kuantan, Kuala Terengganu, Muar, Jasin, Taiping, Balik Pulau, Beseri, Kuala Berang, Kota Putra Besut.
Menengah Atas & Rendah (tingkatan 1 – 5)	PDRM Kulim, Terendak, MRSM-YT Besut, Kuching, Muadzam Shah, Langkawi, Serting, Pendang, Chenderoh, Mersing, Jeli, Batu Pahat, Pontian, Kuala Krai, Kuala Kubu Baru, Transkian
Pra Universiti	Kolej MARA Seremban Kolej MARA Kuala Nerang Kolej MARA Kulim Kolej MARA Banting

Sumber : Bahagian Pendidikan Menengah MARA

3.3.4 Bahagian Penganjuran Pelajaran (BPP)

Matlamat

Menambah gunatenaga terlatih bumiputera dalam bidang profesional, teknik dan pengurusan melalui penyediaan kemudahan pembiayaan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi di dalam dan luar negara.

Strategi

- Menganjurkan pelajar-pelajar ke peringkat tinggi di institut-institut pengajian dalam dan luar negara
- Tajaan untuk kursus-kursus diperingkat 'skilled' dan 'highly skilled' bagi melahirkan tenaga kerja yang mempunyai teknikal 'know how' dan 'know why' sejajar dengan keperluan negara.
- Menaja pelajar-pelajar dalam bidang-bidang pengurusan dan keusahawanan dengan tujuan meneroka dan menjalinkan perhubungan perniagaan antara Malaysia dengan negara luar. Menempatkan pelajar di institut ternama dalam bidang kajian dan penyelidikan.

Syarat-syarat am tajaan MARA

- Bumiputera, warganegara Malaysia.
- Mempunyai kredit dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SPMV
- Tidak pernah ditaja oleh mana-mana badan penganjur di peringkat pengajian yang sama. Pelajar-pelajar yang telah ditamatkan bantuan oleh mana-mana badan

penganjur boleh ditimbang tajaan selepas satu tahun ditamatkan bantuan dengan syarat perjanjian bagi tahun tersebut ditanggung sendiri dan memperolehi prestasi yang cemerlang

- Institut pengajian diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau IPTS yang mendapat kelulusan Jabatan Pendidikan Swasta (JPS), Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Memenuhi had umur seperti berikut:
 - program lepasan SPM – 19 tahun ke bawah
 - program ijazah pertama – tidak melebihi 30 tahun
 - program ijazah sarjana/kepakaran perubatan dan pergigian tidak melebihi 40 tahun.
 - Program doktor falsafah (Ph.D) – tidak melebihi 45 tahun
- Mengikuti kursus yang diutamakan oleh MARA
- Tidak mempunyai ikatan kontrak atau cuti bergaji dari majikan semasa membuat perjanjian kecuali bagi pengajian kepakaran perubatan.
- Status sosio ekonomi (SES) keluarga di mana jumlah pendapatan bercukai tahunan ibubapa atau suami/isteri berdasarkan borang J (LHDN) mestilah tidak melebihi RM80,000.00

Kesimpulannya bahagian ini hanya menyediakan pinjaman dan penajaan untuk melanjutkan pelajaran sama ada universiti dalam atau luar negara.

3.3.5 Bahagian Pembangunan Sumber (BPS)

Unit media

Sebagai pusat khidmat dan latihan media khususnya dalam bidang

- Sebaran : menggalakkan penggunaan media dalam pengajaran dan pembelajaran di institusi MARA
- Penerbitan : menyediakan dan membantu penyediaan media dan AVA keperluan MARA serta menerbitkan bahan bacaan dan pengajaran untuk kakitangan, guru dan pelajar MARA
- Latihan : memberi latihan dalam penyediaan media

Unit perpustakaan

Memberi perkhidmatan rujukan dan pinjaman bahan-bahan perpustakaan

Kesimpulannya bahagian pembangunan sumber hanya menyediakan bahan-bahan serta media bantuan mengajar untuk semua institusi MARA seperti CD, video taklimat, presentation, kaset dan lain-lain.

3.4 KESIMPULAN

Setiap bahagian yang terdapat di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) mempunyai fungsi yang berlainan. Ia bukan sahaja mengkhusus dalam menyediakan program latihan tetapi juga untuk memberikan pendidikan bermula dari peringkat menengah sehingga peringkat profesional. Namun begitu MARA juga turut menyediakan penbiayaan untuk menanggung kos pembelajaran terutamanya bagi golongan yang berpotensi tetapi tidak berkemampuan dari segi kewangan iaitu pemberian biasiswa dan pinjaman.

BAB 4

TREN PENGAMBILAN DAN PENAMATAN PELATIH MENGIKUT BIDANG KURSUS DAN NEGERI

4.1 PENGENALAN

Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam lingkungan umur bekerja iaitu antara 15 hingga 64 tahun (*Jabatan Perangkaan Malaysia, 1971/6*) sama ada yang bekerja atau menganggur. Walau bagaimanapun had umur yang digunakan dalam menentukan seseorang itu tergolong sebagai tenaga buruh bergantung kepada nilai-nilai kebudayaan sesuatu kawasan itu. Gunatenaga bermaksud penduduk bekerja untuk mendapat upah atau untung untuk habuan keluarga. Terdapat perbezaan definisi antara gunatenaga mahir dengan gunatenaga profesional. Gunatenaga mahir merujuk kepada seseorang individu yang mempunyai kemahiran tertentu iaitu lebih kepada kekuatan fizikal manakala gunatenaga profesional pula merujuk kepada seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang yang banyak menggunakan kekuatan mental.

Namun begitu dalam mendefinisikan gunatenaga, Majlis Amanah Rakyat (MARA) atau lebih spesifiknya dalam Bahagian Kemahiran MARA (BKM) telah

mengklasifikasikan gunatenaga mahir adalah mereka yang mempunyai tahap kelulusan yang lebih rendah iaitu pada peringkat sijil dan diploma manakala gunatenaga profesional pula adalah mereka yang mempunyai kelulusan peringkat ijazah di mana kedua-duanya adalah dalam bidang teknikal.

Oleh yang demikian, di dalam kajian ini akan menfokus kepada gunatenaga mahir yang di latih di bawah Bahagian Kemahiran MARA (BKM) iaitu Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Giatmara.

4.2 BAHAGIAN KEMAHIRAN MARA (BKM)

4.2.1 Latarbelakang BKM

Bahagian Kemahiran MARA (BKM) merupakan bahagian terpenting dalam memastikan gunatenaga mahir Bumiputera berada dalam pasaran buruh. Bagi melancarkan usaha untuk memberi latihan kepada beberapa buah Institut Kemahiran MARA (IKM) telah dibina di seluruh negara. Fungsi utamanya sebagai badan yang bertanggungjawab untuk melatih dan mendidik gunatenaga adalah merangkumi setiap lapisan masyarakat terutamanya bagi golongan remaja lepasan sekolah (*tamat pengajian SPM*) yang gagal melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu badan ini telah menyediakan inisiatif kepada golongan tersebut untuk terus maju dan menempuh era globalisasi dan kecanggihan teknologi dengan pelbagai kemahiran yang akan membawa mereka ke mercu kejayaan seiring dengan kepesatan pembangunan negara. Peluang ini secara tidak langsung akan membantu mereka untuk terus maju walaupun mereka tidak dapat bersaing

dalam bidang akademik, namun mereka mampu bersaing dalam bidang kemahiran. Selaras dengan itu, BKM telah menubuhkan institusi yang bernaung di bawahnya iaitu Institut Kemahiran MARA (IKM) dan anak syarikat MARA iaitu Giatmara. Sehingga kini terdapat 13 buah IKM yang beroperasi di seluruh negara dengan tujuan untuk memudahkan lagi penduduk yang berminat menyertai program mendapat kemudahan yang berdekatan dengan kediamannya.

Objektif

Menambah bilangan penglibatan Bumiputera dalam industri terkini yang mencerminkan komposisi kaum Malaysia.

Visi

Menjadi sebuah institut latihan teknikal yang cemerlang bertaraf dunia.

Misi

Melatih dan mengeluarkan graduan yang berilmu, berketrampilan, berakhlak mulia, berdisiplin dan berdaya saing.

Motto

Kemahiran Asas Kemajuan

Matlamat

Dalam usaha mencapai misi tersebut, Bahagian Kemahiran MARA mempunyai tiga matlamat utama yang dijangkakan akan dapat dicapai dalam masa tiga tahun (2003-2006).

- Memberi pendidikan serta latihan yang berkesan dengan menggunakan peralatan dan kemudahan terkini supaya tahap kelulusan 100% dapat dicapai.

- Warga Kemahiran mengoptimumkan kemudahan ICT dalam menyimpan, mengumpul dan berkongsi ilmu supaya pembelajaran secara maya (virtual) dapat direalisasikan.
- Menyediakan latihan di mana kandungan program yang disampaikan adalah relevan kepada keperluan industri supaya kesemua graduan dapat pekerjaan.

Piagam pelanggan

- Kami berusaha untuk menjadikan program Latihan Kemahiran MARA sebagai program latihan cemerlang bertepatan dengan keperluan semasa dan perancangan pembangunan perindustrian serta perkembangan teknologi moden negara.
- Kami bersedia memberi penawaran kepada calon terpilih untuk memenuhi setiap tempat latihan yang disediakan di Institut-institut Kemahiran MARA dalam tempoh tidak melebihi daripada lapan minggu daripada tarikh tutup permohonan.
- Kami bersedia mengeluarkan sijil-sijil Latihan Kemahiran MARA kepada pelatih yang berjaya tidak lewat daripada dua bulan setelah pelatih tamat mengikuti latihan.
- Kami bersedia memberi peluang kepada pelanggan dalaman dan luaran MARA dalam urusan berkaitan dengan pelbagai program latihan kemahiran dari masa ke semasa.
- Kami akan menyediakan prasarana latihan yang lengkap dan berkualiti mengikut perkembangan semasa.

4.2.2 Cawangan IKM seluruh Malaysia

Jadual 4.1 : Institut Kemahiran MARA (IKM) di seluruh Malaysia

Bil	Pusat	Tahun mula operasi
1.	IKM Jasin, Melaka	1968
2.	IKM Alor Setar, Kedah	1969
3.	IKM Petaling Jaya, Selangor	1971
4.	IKM Johor Bahru, Johor	1973
5.	IKM Sungai Petani, Kedah	1973
6.	IKM Kuala Lumpur	1974
7.	IKM TYSA, Pekan, Pahang	1976
8.	IKM Lumut, Perak	1977
9.	IKM Kuching, Sarawak	1984
10.	IKM Besut, Terengganu	1992
11.	IKM Beseri, Perlis	1992
12.	IKM Pasir Mas, Kelantan	2000
13.	IKM Kota Kinabalu, Sabah	2002

Sumber : Bahagian Kemahiran MARA

4.2.3 Kursus yang ditawarkan di IKM

- Tahap Diploma

Program Latihan Kemahiran Tahap Diploma dilaksanakan bagi melatih Bumiputera dalam pelbagai bidang teknikal dan kemahiran yang melayakkan mereka berkhidmat dalam sektor perdagangan, perusahaan dan perindustrian.

Latihan Kemahiran Tahap Diploma dilaksanakan di enam buah Institut Kemahiran MARA (IKM) yang terdapat di seluruh Malaysia. Program Diploma mula dijalankan di IKM Petaling Jaya dalam bidang elektronik dan graduan daripada IKM tersebut dianugerahkan Higher National Diploma (HND). Kini IKM menawarkan pelbagai kursus tahap Diploma Teknologi hasil dari usahasama di antara MARA dan UTM yang merangkumi bidang seperti elektronik, elektrik, automotif, mekanikal,

bangunan dan lain-lain lagi. Program terbaru yang dijalankan dengan kerjasama German Malaysian Institute (GMI) meliputi bidang perindustrian seperti pembuatan, teknologi peralatan & acuan, mekatronik dan senireka produk kejuruteraan. Terdapat 15 kursus sepenuh masa dikendalikan oleh IKM dan setiap IKM menawarkan 1 hingga 5 kursus.

Struktur latihan yang diberikan di IKM adalah merangkumi pengajaran teori disamping menekankan kekompetenan/kecekapan praktik bagi menjamin mutu kemahiran setiap pelatih. Program dikendalikan oleh tenaga pengajar yang berdedikasi, terlatih serta berpengalaman. Peralatan yang digunakan bagi tujuan pembelajaran sentiasa disesuaikan dengan keperluan teknologi semasa.

Dari segi bantuan pembiayaan pula, pelatih yang berjaya masuk untuk mengikuti latihan di IKM layak mendapatkan elaun sara diri yang disediakan oleh MARA.

Pelatih yang telah tamat mengikuti kursus dengan jayanya akan dianugerahkan Diploma Teknologi dalam bidang yang berkaitan. Diploma Teknologi akan dikeluarkan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) / German Malaysian Institute (GMI). Pelatih lepasan IKM juga berpeluang untuk menyambung pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta.

Jadual 4.2 : Senarai kursus IKM peringkat diploma

Bil	Kod	Kursus	Tempoh	Syarat Kemasukkan
		Program Diploma (lepasan SPM/SPMV)		
1.	E10	Teknologi Senibina	36 bulan	SPM/SPMV dengan kepujian subjek Bahasa Melayu, Matematik dan pendidikan seni dan mana-mana dua subjek lain
2.	B10	Teknologi Awam (Binaan Bangunan)	36 bulan	SPM/SPMV dengan kepujian subjek Bahasa Melayu, Matematik dan mana-mana tiga mata pelajaran lain
3.	C10	Teknologi Elektrik (Kuasa)		
4.	D08	Teknologi Elektronik (Industri)		
5.	E11	Teknologi Mekanikal (Lukisan Rekabentuk)		
6.	G24	Teknologi Mekanikal (Gas)		
7.	G25	Teknologi Mekanikal (Penyejukan & Penyamanan Udara)		
8.	G26	Teknologi Mekanikal (Pembuatan)		
9.	G27	Teknologi Mekanikal (Automotif)		
10.	D06	Kejuruteraan Elektronik		
11.	G32	Teknologi Acuan	36 bulan	SPM/SPMV dengan kepujian subjek Bahasa Melayu, Matematik dan mana-mana subjek Sains, Kimia, Fizik, Matematik Tambahan, Lukisan Kejuruteraan, Pengajian Kejuruteraan dan lulus subjek Bahasa Inggeris
12.	G33	Teknologi Peralatan & Acuan Tekan		
13.	G34	Teknologi Mekatronik &		
14.	G35	Penyelenggaraan		
15.	G36	Teknologi Senireka Produk Teknologi Pembuatan		
		Program diploma (lepasan IKM)		
16.	D07	Kejuruteraan Elektronik	24 bulan	SPM/SPMV dengan kepujian subjek Bahasa Melayu dan memiliki Sijil Teknologi daripada Institut Kemahiran MARA dalam bidang berkaitan

Sumber : Institut Kemahiran MARA

- Tahap Sijil

Program Latihan Kemahiran Tahap Sijil dilaksanakan bagi melatih Bumiputera dalam pelbagai bidang teknikal dan kemahiran yang melayakkan mereka berkhidmat dalam sektor perdagangan, perusahaan dan perindustrian di samping mewujudkan bakal-bakal usahawan.

Latihan Kemahiran Tahap Sijil dilaksanakan di sebelas buah Institut Kemahiran Mara (IKM) yang terdapat diseluruh Malaysia. IKM yang ditubuhkan bermula pada tahun 1968 di Jasin, Melaka kini menawarkan pelbagai kursus yang merangkumi bidang seperti elektronik, elektrik, automotif, mekanikal, bangunan dan lain-lain lagi.

Terdapat 27 kursus sepenuh masa dikendalikan oleh IKM dan setiap IKM menawarkan 4 hingga 16 kursus. Tempoh latihan ialah selama 18 bulan sehingga 36 bulan bergantung kepada kursus. Setiap calon pelatih yang berminat boleh memilih bidang yang mereka minati mengikut kelayakan.

Bantuan pembiayaan dan pengajaran dan latihan adalah sama seperti program kemahiran tahap diploma. Pelatih lepasan IKM boleh memilih untuk bekerja sama ada di sektor awam atau swasta atau mewujudkan perniagaan dengan mengamalkan kemahiran yang diperolehi. Mereka juga berpeluang untuk menyambung pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta.

Jadual 4.3 : Senarai kursus IKM peringkat sijil

Bil	Kod	Kursus	Tempoh	Syarat Kelavakan
1.	B03	Teknologi Kerja Paip	18 bulan	Tamat tingkatan 5
2.	I05	Teknologi Rekabentuk & Pengeluaran Perabot		
3.	A11	Teknologi Baikpulih Badan Kenderaan	18 bulan	SPM/SPMV lulus subjek Bahasa Melayu
4.	G02	Teknologi Fabrikasi Kepingan Logam		
5.	G06	Teknologi Kimpalan & Fabrikasi		
6.	J03	Teknologi Upholstri		
7.	G21	Teknologi Elektro Penyaduran	18 bulan	SPM/SPMV dengan lulus subjek Bahasa Melayu dan Sains Atau Kimia
8.	A06	Teknologi Kejuruteraan Marin	18 bulan	SPM/SPMV dengan lulus subjek Bahasa Melayu & Matematik atau Fizik atau Sains
9.	G04	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal – Foundri & Pembuat Corak		
10.	B07	Teknologi Pengiklanan dan Rekabentuk Grafik	18 bulan	SPM/SPMV dengan lulus subjek Bahasa Melayu & Matematik atau Fizik atau Sains dan kepujian subjek pendidikan seni atau lukisan

11.	A02	Teknologi Kejuruteraan Automotif	18 bulan	SPM/SPMV dengan lulus subjek Bahasa Melayu dan Matematik
12.	A08	Teknologi Kejuruteraan Automotif (Jentera Berat)		
13.	A09	Teknologi Kejuruteraan Automotif (Perdagangan)		
14.	B01	Teknologi Kejuruteraan Awan (Bangunan)		
15.	G09	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Penyelenggaraan Mesin)		
16.	G17	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)		
17.	E05	Teknologi Senibina	18 bulan	SPM/SPMV dengan lulus subjek Bahasa Melayu, Matematik Atau Fizik atau Sains dan kepujian subjek Pendidikan Seni atau Lukisan
18.	C02	Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Domestik & Industri)	24 bulan	SPM/APMV dengan lulus subjek Bahasa Melayu, Matematik dan Fizik atau Sains
19.	C04	Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Penjagaan Jentera - A1)	36 bulan	
20.	C05	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Penyejukan & Penyamanan Udara)	18 bulan	
21.	E02	Teknologi Kejuruteraan Awan (Lukisan Struktur)	18 bulan	
22.	E03	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Lukisan & Rekabentuk)	18 bulan	
23.	D01	Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Industri)	24 bulan	
24.	D03	Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Instrumen)	24 bulan	
25.	D04	Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	24 bulan	
26.	D09	Teknologi Kejuruteraan Komputer	24 bulan	
27.	D10	Teknologi Kejuruteraan Mekatronik	24 bulan	

Sumber : Institut Kemahiran MARA

4.2.4 Program kemahiran IKM mengikut bidang kursus bagi tahun 2002

Pada tahun 2002 Institut Kemahiran MARA (IKM) telah menyediakan lapan jenis bidang kursus iaitu binaan, perkayuan, mekanikal/kejuruteraan, automotif, elektrik, elektronik, teknologi lukisan pelan dan tekstil/jahitan. Setiap kursus yang tersebut di atas dibahagi pula kepada bidang-bidang pecahan. Sehingga akhir tahun 2001, jumlah pelatih dipusat-pusat IKM seluruh Malaysia adalah seramai 6900 orang.

Pengambilan pelatih pada tahun 2002 ialah seramai 5600 orang dimana bidang kursus mekanikal/kejuruteraan merupakan kursus yang tertinggi menerima pelatih berbanding kursus lain iaitu seramai 1117 orang pelatih atau 20% daripada jumlah

keseluruhan pengambilan pelatih tahun 2002. Ini diikuti pula oleh bidang elektrik iaitu seramai 1029 orang pelatih menyamai 18% daripada jumlah pengambilan. Bagi kursus elektronik, automotif, binaan dan teknologi lukisan pelan menunjukkan peratusan pengambilan yang hampir sama iaitu di antara 13% hingga 15% di mana masing-masing berjumlah 863 orang pelatih, 778 orang pelatih, 720 orang pelatih dan 765 orang pelatih. Kursus perkayuan dan jahitan/tekstil pula menunjukkan pengambilan yang paling sedikit iaitu seramai 205 orang pelatih (4%) dan 123 orang pelatih (2%) masing-masing.

Pada tahun yang sama juga, jumlah pelatih yang telah menamatkan kursus seramai 2141 orang. Bilangan pelatih yang telah menamatkan kursus paling ramai dalam bidang automotif iaitu 21% daripada jumlah keseluruhan kira-kira 441 orang pelatih diikuti bidang mekanikal/kejuruteraan iaitu sebanyak 20% atau seramai 425 orang pelatih. Fenomena ini menunjukkan permintaan gunatenaga mahir dalam bidang mekanikal/kejuruteraan adalah tinggi berbanding kursus lain selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan Malaysia ke arah negara perindustrian. Ramai tenaga mahir yang diperlukan terutamanya bagi pengendalian mesin. Bagi bidang kursus elektrik dan teknologi lukisan pelan menunjukkan peratusan yang sama iaitu kira-kira 16% di mana masing-masing berjumlah 334 dan 339 orang pelatih. Bidang kursus perkayuan dan tekstil/jahitan masih lagi menjadi yang paling sedikit jumlah pelatih yang menamatkan pengajian iaitu masing-masing berjumlah 68 orang pelatih dan 53 orang pelatih. Hal ini berkemungkinan disebabkan beberapa faktor termasuklah persaingan daripada institusi pengajian lain dan minat yang kurang dalam bidang tersebut.


Dalam masa yang sama terdapat juga sebilangan pelatih yang telah berhenti sebelum mereka berjaya menamatkan latihan. Seramai 466 orang pelatih telah berhenti daripada mengikuti pengajian pada tahun 2002 di mana bilangan tertinggi ditunjukkan oleh bidang automotif iaitu seramai 125 orang pelatih atau 27% daripada jumlah keseluruhan pemberhentian pelatih. Manakala bilangan terendah pelatih yang berhenti pula ditunjukkan oleh kursus jahitan/tekstil iaitu hanya seramai 4 orang pelatih.

Setiap bidang kursus yang ditawarkan dibahagi kepada beberapa pecahan mengikut kesesuaian. Dalam bidang kursus mekanikal/kejuruteraan terdapat sepuluh kursus yang ditawarkan yang merupakan pecahan terbanyak berbanding kursus lain bersesuaian dengan kepentingannya pada masa kini, diikuti bidang kursus automotif yang dipecahkan kepada lapan bahagian. Manakala kursus perkayuan dan jahitan/tekstil hanya menawarkan satu jenis kursus sahaja. Maklumat lanjut berkaitan jenis-jenis kursus yang ditawarkan dan bilangan pengambilan, penamatan dan pemberhentian pelatih boleh dirujuk dari jadual di bawah.

Jadual 4.4 : Program kemahiran IKM mengikut bidang kursus tahun 2002

BIL	BIDANG KURSUS	PENGAMBILAN		TAMAT		BERHENTI	
		Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
1.	Binaan	720	13	312	15	43	9
2.	Perkayuan	205	4	68	3	27	6
3.	Mekanikal/kejuruteraan	1117	20	425	20	52	11
4.	Automotif	778	14	441	21	125	27
5.	Elektrik	1029	18	334	16	55	12
6.	Elektronik	863	15	169	7	94	20
7.	Teknologi Lukisan Pelan	765	13	339	16	66	14
8.	Tekstil/Jahitan	123	2	53	2	4	1
	JUMLAH	5600	100	2141	100	466	100

Sumber : Institut Kemahiran MARA



Carta 4.1 : Program IKM mengikut bidang kursus tahun 2002

4.2.5 Penyertaan pelatih mengikut negeri di IKM tahun 1996 hingga 2002

Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK 7) iaitu bagi tempoh lima tahun bermula tahun 1996 hingga tahun 2000 menunjukkan pengambilan pelatih di IKM seluruh Malaysia dengan jumlah yang semakin bertambah. Pada tahun 1996 seramai 2163 orang pelatih telah diambil, diikuti seramai 3335 orang pelatih pada tahun berikutnya. Bilangan yang semakin meningkat ditunjukkan pada tahun 1998, 1999 dan 2000 iaitu masing-masing berjumlah 4035, 4251 dan 4942 orang pelatih. Secara keseluruhannya peningkatan pengambilan pelatih dalam RMK 7 ialah pada kadar 128% melebihi satu kali ganda. Bagi RMK 8 pula, seramai 6199 orang pelatih di ambil pada tahun 2001

dan berkurangan kepada 5798 orang pelatih tahun 2002. Fenomena ini menjadikan jumlah pengambilan sepenuhnya bagi jangkamasa tujuh tahun tersebut ialah seramai 30728 orang pelatih.


Dalam tempoh tersebut, IKM Lumut, Perak menunjukkan pengambilan pelatih terbanyak iaitu berjumlah 4253 orang dan diikuti IKM Sungai Petani, Kedah seramai 4043 orang pelatih. Keadaan ini menunjukkan negeri di bahagian utara Malaysia mampu menarik minat ramai pelatih untuk menyertai kursus kemahiran berikutan pusatnya telah lama didirikan dan penawaran kursus yang pelbagai pilihan. Hanya terdapat tiga buah IKM yang mencatatkan pengambilan kurang dari 1000 orang pelatih iaitu IKM Pasir Mas, Kelantan, IKM Petaling Jaya, Selangor dan Kota Kinabalu, Sabah dimana masing-masing mencatatkan pengambilan seramai 998, 816 dan 120 orang pelatih. Bilangan yang paling sedikit ditunjukkan oleh IKM Kota Kinabalu disebabkan ianya baru ditubuhkan pada tahun 2002 dan jumlah ini merupakan pengambilan pertama.

Jika dilihat dari segi bilangan pelatih yang telah menamatkan latihan atau kursus di IKM seluruh negara didapati jumlah keseluruhannya adalah seramai 25695 orang pelatih. Daripada jumlah tersebut kebanyakan pelatih tamat pengajian di IKM Lumut, IKM Jasin dan IKM TSYA iaitu masing-masing berjumlah 3722, 3032 dan 3008 orang pelatih, manakala IKM Kota Kinabalu dan IKM Pasir Mas masing-masing tidak mencatatkan pelatih yang telah menamatkan pengajian. Sepanjang tempoh tersebut, jumlah pengambilan pelatih terus meningkat setiap tahun bermula tahun 1996 hingga tahun 2001 tetapi jumlahnya menurun sebanyak 6.5% pada tahun 2002.

Jadual 4.5 : Penyertaan pelatih di IKM tahun 1996 hingga 2002

Pusat	1996		1997		1998		1999		2000		2001		2002	
	A	T	A	T	A	T	A	T	A	T	A	T	A	T
J. Bahru	217	417	335	409	449	285	433	407	432	386	570	361	572	388
Jasin	185	341	514	377	479	402	521	467	598	497	613	509	451	430
P. Jaya	78	74	116	53	103	88	98	80	115	68	152	91	154	89
K. Lumpur	201	150	264	269	361	303	302	285	314	283	425	273	400	284
Lumut	317	622	442	535	614	386	522	553	759	479	788	666	811	681
A. Setar	236	92	93	171	273	88	235	266	230	220	259	214	220	230
S. Petani	305	493	569	404	606	543	768	549	567	640	641	576	587	517
Beseri	104	118	218	125	238	186	299	219	366	274	456	327	441	386
Besut	135	136	205	170	217	232	203	171	307	202	387	256	414	386
TSYA	213	253	279	371	364	266	459	327	646	445	876	554	886	792
Kuching	172	421	300	292	331	305	411	307	409	377	528	389	447	452
P. Mas	0	0	0	0	0	0	0	0	199	0	504	0	295	0
K. Kinabalu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	120	0

Sumber : Institut Kemahiran MARA

**Carta 4.2 : Penyertaan Pelatih di IKM tahun 1996 hingga 2002**

4.3 GIATMARA

4.3.1 Latarbelakang GIATMARA

Giatmara merupakan sebahagian daripada latihan vokasional di bawah MARA dan mempunyai institusi di seluruh negara. Ia juga mempunyai cawangan di luar negara dimana ianya dapat membantu pelatih secara intensif dalam pertukaran teknologi. Di Malaysia, Giatmara merupakan institusi utama di dalam program latihan vokasional pada peringkat asas sehingga peringkat tinggi. Institut-institut Giatmara menyediakan peluang latihan dalam pelbagai jenis kemahiran yang dapat memenuhi minat individu di samping memenuhi kelayakan akademik. Sehingga kini Giatmara telah berkembang di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara bagi mencapai objektif menyediakan peluang latihan kemahiran terutama kepada remaja-remaja luar bandar. Pelatih-pelatih akan diberikan latihan oleh tenaga-tenaga pengajar yang terlatih dan berpengalaman. Pusat-pusat Giatmara dilengkapi dengan mesin-mesin yang diperlukan untuk latihan dan sentiasa diperbaharui bagi melengkapkan perubahan teknologi semasa. Di samping itu, pelatih juga akan diberi kaunseling bagi kemajuan diri di dalam karier semasa dan selepas tamat latihan. Sehingga hari ini terdapat 146 buah pusat Giatmara yang beroperasi di seluruh negara. Penubuhan pusat-pusat ini adalah berdasarkan kepada kawasan parlimen yang mana setiap kawasan parlimen mempunyai satu pusat Giatmara. Se'aras dengan matlamat untuk membentuk gunatenaga bumiputera yang berkemahiran, Giatmara menjadi salah satu badan yang bertanggungjawab

menyediakan peluang-peluang kemahiran kepada kaum bumiputera untuk terus bersaing dalam era globalisasi yang semakin maju.

Objektif

Memberi pengetahuan dan latihan teknikal kepada masyarakat luar bandar dalam bidang yang bersesuaian dengan keperluan tempatan agar segala pengetahuan dan pengalaman itu dapat digunakan terus untuk meningkatkan taraf hidup mereka melalui pengwujudan usaha niaga dan peluang pekerjaan.

Falsafah

Menyebarkan pelbagai peringkat kemahiran teknikal secara efektif kepada komuniti selaras dengan perkembangan teknikal semasa.

Sasaran

- Mereka yang belum pernah mendapat latihan kemahiran bagi tujuan mendapat kerja dan berusaha sendiri.
- Mereka yang hilang pekerjaan dan terpaksa mencari pekerjaan baru.
- Mereka yang ingin menambahkan pengetahuan kemahiran untuk kemajuan kerjaya.
- Mereka yang sedang bekerja dan memerlukan tahap peningkatan kemahiran dalam jurusan yang diceburi.

4.3.2 Tren penyertaan pelatih di Pusat Giatmara mengikut ketukangan tempoh RMK 5 hingga RMK 8

Majlis Amanah Rakyat (MARA) merupakan sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan telah mengembangkan sayapnya dengan menubuhkan anak syarikat yang mempunyai matlamat yang sama dengan IKM iaitu untuk melatih gunatenaga mahir terutamanya untuk kaum bumiputera yang dinamakan

Giatmara. Walaupun terdapat beberapa perbezaan antara Giatmara dan IKM namun ianya berteraskan satu matlamat untuk melahirkan gunatenaga mahir bumiputera dalam bidang-bidang tertentu.

Sejak ditubuhkan Giatmara telah menyediakan beberapa jenis kursus atau lebih dikenali sebagai ketukangan bagi pusat Giatmara dan sehingga kini terdapat lapan jenis ketukangan utama iaitu binaan, perabot, elektrik, pembuatan, automotif, elektronik, jahitan dan percetakan. Jenis ketukangan ini pula terbahagi kepada pecahan mengikut bidang yang bersesuaian dengan kemahiran dan permintaan gunatenaga masa kini.

RMK5 iaitu bagi tempoh tahun 1986 hingga 1990, didapati Giatmara telah mula melatih gunatenaga dengan jumlah pengambilan yang semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 1986 hanya kira-kira 212 orang pelatih sahaja yang diambil bagi empat jenis ketukangan utama iaitu binaan, perabot, elektrik dan pembuatan. Jumlah ini terus meningkat melebihi 100% sehingga mencapai pengambilan berjumlah 2937 orang pelatih pada tahun 1990. Dari sudut pelatih yang menamatkan pengajian dalam RMK5 juga didapati mengalami kenaikan mendadak bermula hanya 93 orang pelatih pada tahun 1986 kepada 2636 pada tahun 1990 iaitu peningkatan melebihi beberapa peratus. Secara keseluruhannya jumlah pengambilan dalam RMK5 berjumlah 8180 orang pelatih berbanding seramai 7655 orang pelatih telah menamatkan pengajian bagi tempoh tersebut.

Bilangan pelatih yang menyertai program anjuran Giatmara terus bertambah sepanjang tempoh lima tahun berikutnya iaitu dalam RMK6 bermula tahun 1991

hingga tahun 1995. Jumlah pengambilan bagi tempoh tersebut adalah seramai 28682 orang pelatih dan sejumlah 25266 orang pelatih telah berjaya menamatkan pengajiannya. Daripada jumlah tersebut, ketukangan automotif menjadi kursus yang paling digemari dengan pengambilan pelatih seramai 12816 orang dan sejumlah 11681 orang pelatih telah menamatkan kursus. Jenis ketukangan elektrik, binaan, pembuatan, jahitan dan elektronik masing-masing menunjukkan pengambilan di antara 1000 hingga 500 orang pelatih, manakala ketukangan perabot dan percetakan menunjukkan pengambilan pelatih di bawah 1000 orang bagi tempoh tersebut. Hal ini kerana ketukangan percetakan hanya mula diperkenalkan pada tahun 1993 dengan pengambilan seramai 9 orang pelatih.

Bagi tempoh lima tahun berikutnya iaitu bermula tahun 1996 hingga tahun 2000 terus menunjukkan peningkatan dalam pengambilan dan penamatan pelatih. Jumlah pengambilan secara keseluruhan seramai 54474 orang pelatih manakala jumlah pelatih yang telah menamatkan latihan seramai 47728 orang. Ketukangan automotif masih lagi menjadi kursus yang digemari dengan jumlah pengambilan seramai 23213 orang pelatih berbanding seramai 20926 orang pelatih yang telah menamatkan pengajian dalam tempoh tersebut. Bagi bidang ketukangan elektrik, jahitan, pembuatan, binaan, elektronik dan perabot masing-masing membuat pengambilan dan penamatan pelatih seramai antara 1000 hingga 9000 orang manakala ketukangan percetakan hanya membuat pengambilan seramai 596 orang pelatih dan jumlah pelatih tamat seramai 386 orang. Dalam tempoh tersebut juga didapati berlaku sedikit penurunan dalam pengambilan pelatih iaitu pada tahun 1997 disebabkan oleh fenomena kemerosotan ekonomi dan keadaan permintaan dan penawaran gunatenaga yang tidak stabil.


Tahun 2001 menunjukkan berlaku sedikit pengurangan dalam pengambilan pelatih di pusat Giatmara iaitu hanya berjumlah 12507 orang pelatih berbanding 12639 orang pelatih tahun sebelumnya, namun bilangan pelatih yang menamatkan latihan meningkat pada tahun tersebut iaitu menjadi 10658 orang berbanding 10615 orang pelatih tahun 2000.

Secara keseluruhan didapati, bagi tempoh 16 tahun iaitu bermula tahun 1986 hingga tahun 2001 menggambarkan pengambilan pelatih di Giatmara adalah berjumlah 103843 orang dengan 91607 orang pelatih berjaya menamatkan pengajian. Bidang ketukangan automotif menjadi pilihan utama diikuti elektrik, binaan, pembuatan dan jahitan dimana masing-masing mempunyai jumlah pengambilan pelatih tidak melebihi 5000 orang.

Jadual 4.6 :Tren pengambilan dan penamatan latihan di pusat giatmara mengikut kursus

BIL	JENIS	RMK 5		RMK 6		RMK 7		RMK 8		JUMLAH	
		A	T	A	T	A	T	A	T	A	T
1.	Binaan	2346	2627	3778	3368	5502	4585	1477	1221	13603	11801
2.	Perabot	520	483	784	561	1533	1228	257	255	3094	2597
3.	Elektrik	785	724	4077	3120	9513	7580	2290	1979	16665	13803
4.	Pembuatan	667	572	3471	3217	5660	5152	1239	1104	11037	10045
5.	Automotif	2969	2878	12816	11681	23213	20926	4905	4412	43903	39897
6.	Elektronik	177	182	1262	1057	2329	1961	506	415	4274	3615
7.	Jahitan	216	189	2278	2024	6128	5310	1754	1552	10376	9075
8.	Percetakan	0	0	216	138	596	586	79	50	891	774
	JUMLAH	8180	7655	28682	25266	54474	47728	12507	10958	103843	91607

Sumber : Pusat Giatmara Malaysia



Carta 4.3 : Penyertaan pelatih di Pusat Giatmara mengikut kursus (RMK5 – RMK8)

4.3.3 Tren penyertaan pelatih di pusat Giatmara mengikut negeri bagi tempoh RMK 5 hingga RMK 8

Analisis tren pengambilan dan penamatan pelatih di Pusat Giatmara sebelum ini telah dilihat dari aspek bidang kursus yang disertai oleh pelatih. Analisis tren seterusnya akan melihat kepada pengambilan dan penamatan pelatih mengikut negeri. Di Malaysia terdapat 14 buah negeri di mana kesemua negeri tersebut mempunyai Pusat Giatmara dan ini ditubuhkan berdasarkan kawasan parlimen. Walaupun pada umumnya terdapat 14 buah negeri namun setiap negeri tersebut mempunyai lebih dari satu Pusat Giatmara. Negeri Perak merupakan negeri yang mempunyai paling banyak Pusat Giatmara iaitu sebanyak 18 buah, diikuti negeri Johor sebanyak 15 buah dan negeri Selangor dan Sabah masing-masing mempunyai 13 buah Pusat Giatmara.

Negeri yang mempunyai paling sedikit Pusat Giatmara ialah Perlis dan Wilayah Persekutuan iaitu 3 buah di setiap negeri dan juga Melaka yang hanya mempunyai 5 buah Pusat Giatmara. Bagi lain-lain negeri masing-masing mempunyai bilangan purata sebanyak 10 buah.

RMK5 menunjukkan negeri Terengganu menjadi negeri yang paling banyak membuat pengambilan pelatih iaitu seramai 1410 orang dengan bilangan pelatih yang menamatkan kursus seramai 1253 orang. Negeri Pahang pula menjadi negeri kedua tertinggi selepas Terengganu iaitu pengambilan seramai 1250 orang pelatih dan 1189 orang pelatih berjaya menamatkan kursus. Dalam jangka masa tersebut Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan tidak mencatatkan sebarang pengambilan dan penamatan pelatih kerana negeri tersebut hanya mula beroperasi sekitar tahun 1990-an. Jumlah keseluruhan pengambilan bagi tempoh tersebut seramai 8180 orang pelatih manakala seramai 7655 orang pelatih menamatkan kursus.

Peningkatan dalam pengambilan pelatih melebihi 100% menjadikan jumlahnya seramai 28682 orang pelatih dalam RMK6 dengan jumlah pelatih yang menamatkan pengajian juga meningkat kepada 25266 orang. Dalam tempoh lima tahun ini, Perak menjadi negeri tertinggi mengambil pelatih iaitu seramai 4119 orang diikuti Terengganu seramai 3591 orang pelatih. Empat buah negeri yang tidak mempunyai pelatih iaitu Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan telah mula mengambil pelatih dengan masing-masing berjumlah 1320, 1041, 1195, dan 366 orang pelatih. Bilangan calon yang menamatkan kursus dalam tempoh tersebut bagi setiap negeri adalah antara 300 hingga 3000 orang pelatih. Peningkatan ini disebabkan oleh pembukaan Pusat-pusat Giatmara yang semakin bertambah.

Negeri Perak masih lagi menjadi negeri yang paling banyak membuat pengambilan pelatih iaitu kira-kira 6551 orang pelatih dalam RMK7, iaitu 12% daripada jumlah keseluruhan berjumlah 54474 orang pelatih. Lain-lain negeri mencatatkan pengambilan pelatih antara 1000 hingga 5000 orang pelatih kecuali Wilayah Persekutuan yang hanya membuat pengambilan pelatih seramai 891 orang sahaja. Dari sudut pelatih yang menamatkan kursus pula, sejumlah 5829 orang pelatih telah tamat pengajian dari IKM seluruh negeri Perak yang merupakan jumlah penamatan pelatih teramai dalam tempoh tersebut. Sejumlah 47728 orang pelatih telah menamatkan pengajian sepanjang tahun 1996 hingga 2000, manakala Wilayah Persekutuan menjadi negeri yang paling sedikit melahirkan pelatih iaitu hanya seramai 747 orang sahaja.


Pada tahun 2001, sejumlah 12507 orang pelatih telah diterima untuk mendapatkan latihan kemahiran di pusat-pusat Giatmara seluruh negara. Daripada jumlah tersebut negeri Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Selangor dan Sabah telah mencatat pengambilan pelatih melebihi 1000 orang manakala lain-lain negeri hanya mencatat pengambilan kurang dari 1000 orang pelatih. Jumlah pelatih yang telah menamatkan latihan di Giatmara seluruh Malaysia pada tahun 2001 adalah seramai 10958 orang pelatih.

Secara keseluruhannya jumlah pengambilan pelatih di Pusat Giatmara semakin meningkat. Sehingga tahun 2001 jumlahnya menjadi 103843 orang pelatih dengan 91607 orang pelatih telah menamatkan latihan.

Jadual 4.7 : Tren pengambilan dan penamatan pelatih di Pusat Giatmara mengikut negeri

B	NEGERI	RMK 5		RMK 6		RMK 7		RMK8		JUMLAH	
		A	T	A	T	A	T	A	T	A	T
1.	Perlis	623	581	791	725	1583	1411	321	260	2036	2977
2.	Kedah	986	986	2933	3449	5304	4853	1425	1262	10648	9800
